

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

TARIKH: 23 NOVEMBER 2016

SOALAN:

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menurunkan jumlah pekerja asing dalam negara supaya tidak melebihi 15% seperti yang disasarkan dalam RMK-11.

PR-1343-L77101

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar Kerajaan adalah untuk memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi

oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

2. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan majikan diberikan pertimbangan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.

3. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu dalam lima (5) sektor formal iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) serta satu (1) sektor informal iaitu pekhidmat domestik.

4. Berdasarkan Laporan Kajian Awal Mengenai Keperluan Penggajian Pekerja Asing Bagi Tempoh 2016-2020 yang dijalankan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), guna tenaga negara diunjurkan meningkat kepada 15.3 juta orang menjelang tahun 2020 berbanding 13.8 juta orang pada tahun 2015, di mana unjuran penggajian pekerja asing dijangka mengalami peningkatan sehingga 3.1 juta orang atau 19% daripada jumlah keseluruhan guna tenaga negara, sekiranya Malaysia masih terus bergantung kepada industri berorientasikan buruh dan

berpendapatan rendah.

5. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan penggajian pekerja asing tidak melebihi 15% sepertimana sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan menarik minat pekerja warganegara untuk memasuki pasaran kerja seperti berikut:

- (i) mempromosi dan memudahcara peluang penempatan pekerjaan melalui Program Penempatan Pekerjaan (3P) oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing. Langkah ini dapat membantu negara mencapai sasaran melahirkan 35% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020;
- (iii) menetapkan ratio pekerja warganegara dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh, sektor perladangan (kelapa sawit), keluasan tanah 8 hektar untuk 1 pekerja dan getah pula keluasan tanah 4 hektar untuk 1 pekerja. Manakala, untuk sektor perkilangan, bagi syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik, nisbah kelayakan yang ditetapkan adalah 2 pekerja warganegara bagi 1 pekerja asing;

- (iv) mengutamakan *exit policy* penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja warganegara;
- (v) pembekuan pengambilan semua pekerja asing baharu dari semua negara sumber ke Malaysia yang diumumkan oleh Kerajaan pada 19 Februari 2016; dan
- (vi) pelaksanaan Program Penggajian dan Penempatan Semula PATI (Program *Rehiring*) oleh Kementerian Dalam Negeri.

6. Sementara itu, mengenai hasrat Kerajaan untuk melahirkan 35% pekerja mahir menjelang tahun 2020 pula, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif yang berterusan dengan memantapkan program-program latihan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran terutama dalam aspek pembangunan kemahiran teknikal dan vokasional. Usaha-usaha tersebut adalah bagi memastikan sasaran RMKe-11 tercapai iaitu mewujudkan sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu dengan 60% daripadanya mempunyai kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

7. Antara langkah-langkah bagi meluaskan peluang pekerjaan para lulusan vokasional adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dengan memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi (*High Income Policy*);
- (ii) melaksanakan Skim Perantisan yang berteraskan kepada Sistem Latihan Dual Kebangsaan (SLDN). Di bawah SLDN, pelatih diwajibkan menjalani latihan praktikal di tempat kerja/premis majikan di sektor swasta;
- (iii) mengarusperdanakan latihan kemahiran bagi menarik lebih ramai lepasan sekolah menyertai bidang pekerjaan yang berasaskan kemahiran dan memenuhi keperluan industri sebagai pilihan utama;
- (iv) memperluaskan akses pendidikan dan latihan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) melalui Institusi Latihan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian dan agensi lain;
- (v) meningkatkan pembiayaan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada pekerja warga tempatan bagi mengikuti latihan untuk peningkatan kelayakan;
- (vi) mengkaji dan memperkemaskan insentif-insentif perkhidmatan yang ditawarkan kepada pekerja tempatan seperti struktur gaji, kemudahan elaun, latihan dan lain-lain; dan

(vii) mengadakan kerjasama dengan industri bagi mewujudkan latihan berdasarkan keperluan kemahiran dalam pasaran pekerjaan.